# Karma SPS adakan bengkel penulisan media

UB 08.01.2012 B7

KELAB Sastera Mahasiswa (Karma) Sekolah Pengajian Seni (SPS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu pada Rabu telah mengadakan Bengkel Kewartawanan dan penulisan media bagi membuka ruang kepada kalangan pelajar melihat potensi mereka dalam profesion penulisan.

Pengerusi Penganjur, Maslijan Md Rasad berkata, bengkel itu diadakan untuk memberi pendedahan kepada para peserta tentang teknik penulisan di samping berkongsi pengalaman bagi memupuk minat menceburi bidang penulisan atau kewartawanan sebagai kerjaya mereka.



SEBAHAGIAN pelajar yang mengikuti Bengkel Kewartawanan di SPS, UMS.

"Semoga progam seumpama ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang bagi melatih pelajar menggunakan kemahiran penulisan yang telah mereka pelajari dalam bilik kuliah," kata Maslijan.



WALTER MICHEAL



PEMBIMBING bengkelberkenaan, Henry Bating.



Bengkel setengah hari itu dibimbing oleh Henry Bating, seorang penulis yang pernah bekerja di beberapa buah syarikat surat khabar tempatan dan kini menjadi tenaga akademik di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMS.

Bengkel itu telah berlangsung di Theatret Ahmad Nifsu dengan peserta seramai 70 orang yang merupakan para pelajar Major Penulisan Seni Kreatif, Tahun Tiga SPS.

Seorang peserta, Walter Micheal menyatakan bahawa bengkel itu telah mendedahkan kepadanya sedikit sebanyak mengenai susur galur untuk menjadi seorang penulis atau wartawan melalui maklumat yang telah disampaikan kepada melalui ceramah.



MASLIJAN MD RASAD